

04/09/1998

Memang menduga jawatan dilucut

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim yang digugurkan daripada Kabinet semalam, hari ini menafikan semua dakwaan terhadapnya dan mendakwa ia adalah pakatan politik peringkat tertinggi untuk menjatuhkannya.

Menurutnya, beliau memang menduga akan dilucutkan jawatan kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memberi kata dua semalam, sama ada meletak jawatan atau dipecat.

"Saya tidak bersedia untuk meletak jawatan kerana saya telah memaklumkan berulang kali kepada beliau, memang ada konspirasi politik peringkat tertinggi untuk menjatuhkan saya.

"Tidak ada alasan yang munasabah, tidak ada kesediaan dan keberanian untuk menghadapi proses demokrasi dalam pemilihan parti.

"Maka dipilih cara yang paling kotor dan jijik, menggunakan jentera dan instrumen kerajaan untuk memfitnah, mengesahkan fitnah, membuat tuduhan, memaksa saksi membuat kenyataan palsu dan kemudian, dengan sengaja mengaibkan saya dan keluarga.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Azizah dan anak-anak yang nampaknya bersama serta tidak mudah diperdaya dengan tuduhan jahat dan palsu," katanya dalam sidang akhbar yang dihadiri lebih 100 pemberita dan jurugambar di rumahnya sendiri, di Jalan Setiamurni, Bukit Damansara, petang ini.

Duduk di sisinya ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail. Hadir sama ialah Setiausaha Sulitnya, Azmin Ali dan kira-kira 100 penyokong beliau.

Sidang akhbar itu diadakan selepas pemberita, juru gambar dan lebih 1,000 penyokongnya menunggu di kediaman rasmi Timbalan Perdana Menteri sejak petang semalam.

Mengenai pelbagai dakwaan terhadapnya terutama hubungan seks haram, rasuah dan menjadi ejen asing, Anwar berkata:

"Saya yakin, betapapun muslihat dan perencanaan yang dibuat, saya sebut kepada Perdana Menteri, boleh senarai dan bariskan 100 pelacur mendakwa mengadakan hubungan seks, ini tidak akan merobah kenyataan bahawa ia adalah fitnah yang direka dan ada orang yang dibeli, diugut dan dipaksa untuk melakukan kenyataan.

"Sebelum saya meninggalkan pejabat semalam, saya mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas kerjasama yang diberikan, tetapi saya kata saya tidak boleh bersekongkol dengan kegiatan jahat seperti itu.

"Saya tidak boleh nampak mengalah dengan percubaan kotor begini. Saya berikan dokumen yang cukup, pengakuan bersumpah dan beberapa maklumat lain yang membantu membuktikan memang ada konspirasi politik besar.

"Bagaimanapun, semua dokumen dan pengakuan terbabit diketepikan, langsung tidak diambil kira. Saya tahu percubaan mengaibkan seperti di mahkamah hari ini, bukan untuk mencari masalah keselamatan yang dituduh tetapi lebih banyak percubaan untuk mengaibkan saya. Rakyat Malaysia tidak sebodoh itu, saya yakin," katanya.

Anwar turut melahirkan rasa dukacita terhadap sistem kehakiman serta keselamatan negara yang didakwanya tidak menjalankan tugas dengan adil dan saksama.

"Cuma saya nak lahirkan rasa dukacita kerana mustahil negara demokratik yang ada prinsip, yang mempertahankan prinsip keadilan, menghormati undang-undang, yang ada jentera penguatkuasaan, yang ada badan kehakiman ini boleh diperalatkan dengan begitu nakal.

"Apa yang saya perkatakan ialah keadilan. Adalah sesuatu yang tragik apabila institusi kerajaan dipergunakan oleh mereka yang mengadakan pakatan terhadap saya untuk mereka-reka dan mengada-adakan tuduhan.

"Kalau saya, sebagai orang nombor dua di negara ini (sehingga semalam), tidak boleh mendapat keadilan dan menjadi mangsa tuduhan ini, maka saya rasa sedih bagi negara ini.

"Adalah sesuatu yang malang bagi negara ini kerana kita sepatutnya menanam keyakinan dalam sistem kehakiman dan keselamatan negara, bukannya memanggil saksi, mengasari dan memaksa mereka menandatangani dokumen serta mengetepikan surat bersumpah yang ada," katanya.

Beliau berharap akan diberi peluang untuk memberi penjelasan sekurang-kurangnya kepada ahli Majlis Tertinggi Umno yang bermesyuarat malam ini.

"Ketika ini, saya masih Timbalan Presiden parti dan saya berharap saya tidak dihalang daripada menghadiri mesyuarat malam ini. Saya juga berharap ada penyelesaian yang baik dalam parti.

"Saya juga meminta penyokong dan rakyat bertenang sementara secara tegas menyuarakan pandangan mereka menentang penipuan, penyelewengan dan kezaliman," katanya.

Anwar berkata, beliau tidak gentar dengan ancaman ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) atau Akta Rahsia Rasmi (OSA) kerana sudah mempunyai pengalaman ditahan selama dua tahun di kem tahanan Taiping itu.

Mengenai dakwaan beliau mempunyai anak haram hasil hubungan sulit dengan isteri setiausaha sulitnya, Anwar berkata dakwaan itu tidak benar dan sudah dibuktikan dengan ujian genetik (DNA).

"Penasihat undang-undang saya benar-benar tidak setuju supaya ujian itu dilakukan, kerana tidak ada kredibiliti dalam tuduhan terbabit. Ini bukan kes menuntut hak penjagaan, cuma kerana ada orang perempuan dalam kereta dan tidak tahu ke mana dia pergi.

"Bagaimanapun, saya dan isteri membuat keputusan melakukan ujian itu, lebih-lebih lagi ia mendapat sokongan ramai pihak, Perdana Menteri turut menyokong, jadi mengapa tidak," katanya.

Menurutnya, dua ujian DNA dilakukan iaitu dengan polis dan satu daripadanya dihantar ke luar negara. Keputusan menunjukkan Azmin dan isterinya adalah ibu bapa biologi kepada kanak-kanak itu.

Mengenai hubungannya dengan Pengarah Hal Ehwal Korporat Magnum Corporation, Datuk S Nallakarupam, Anwar berkata: "Nalla adalah salah seorang daripada rakan saya bermain tenis."

(END)